

BULETIN ICAN

UiTM NEGERI SEMBILAN
NOVEMBER 2023

**PROGRAM "UNITE FOR HUMANITY" MENGGALAKKAN
SEMANGAT GENERASI MUDA MENJADI AHLI
SUKARELAWAN**

*Siti Aishah Mohd Shafie, Noorezatty Mohd Yusop, Nuralina Azlan,
Nor Akmal Md Noh.*

**KESINAMBUNGAN KERJASAMA ERAT ANTARA UiTM
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DAN HOSPITAL PAKAR
CMH SEREMBAN BAGI PENGANJURAN PROGRAM
BERASASKAN KESIHATAN**

Siti Syaida Sirat, Ahmad Husaini Mohamed & Jamil Mohamed Sapari

**PROGRAM UiTM ALUMNI FUN RUN 2023 CAWANGAN
NEGERI SEMBILAN**

*Asmahanim Binti Haji Mohamad Yusuf, Nur Hafizah Abdul Khalid, Nur Amirah Nabihah
Zainal Abidin, Fatin Aliyah Binti Hasan, Mohd Nur Fitri Bin Mohd Salim*

eISSN 2811-3802



9 7 7 2 8 1 1 3 8 0 0 0 8

Pertandingan Pembangunan Produk Makanan: Merentas Sains dan Teknologi

NAEMAA MOHAMAD, TS. NADYA HAJAR & TS. DR. EDDIE TAN TI TJIH

Pada 14 Jun 2023 yang lalu, satu pertandingan Pembangunan Produk Makanan telah diadakan di UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah. Pertandingan yang diadakan pada setiap tahun ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan Jabatan Teknologi Makanan,

Pusat Pengajian Teknologi Industri untuk memberi pendedahan menyeluruh kepada pelajar mengenai inovasi dalam bidang sains dan teknologi makanan sebelum mereka mula menjalani latihan industri pada semester seterusnya. Inisiatif ini turut membuka pintu kerjasama antara warga kampus dengan universiti dan institusi luar. Selain itu, program ini juga telah menyediakan platform untuk bertukar pandangan dan menghimpun idea-idea inovatif dalam sektor makanan. Seramai 113 orang pelajar semester 4, Program Diploma Teknologi Makanan serta 20 orang staf yang terdiri daripada pensyarah teknologi makanan, staf makmal dan 20 orang AJK Food Technology Society (FTS) telah ditugaskan untuk memastikan kelancaran pertandingan kali ini.

Pertandingan telah diadakan di Dewan Mini Anjung Sri Perpatih dan penyampaian hadiah telah berlangsung di Dewan Kuliah UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah. Pelajar yang terlibat telah mempertandingkan inovasi produk makanan mereka secara berkumpulan, dengan tema kelestarian bahan makanan dalam pembangunan produk mereka. Program ini telah dirasmikan oleh Ts. Dr. Eddie Tan Ti Tjih, Ketua Pusat Pengajian Teknologi Industri UiTM

Cawangan Negeri Sembilan. Beliau turut menyuarakan sokongan terhadap usaha pelajar dalam meneroka dan mencipta produk makanan yang berinovasi seperti Vegan Mushroom Meat, PureGlow Karonda Fruit Juice, Oniun Sauce, dan Rambutan Sugar.



Gambar: Sesi penjurian sedang berlangsung



Gambar: Para pelajar bersama hasil produk yang dibangunkan

Selain pertandingan produk makanan yang diadakan secara fizikal, program ini turut melibatkan komponen penilaian poster produk secara atas talian. Poster produk pelajar telah dinilai oleh beberapa penilai terdiri daripada ahli akademik serta pegawai dari pelbagai universiti dan institusi dalam dan luar negara seperti Prof Dr. Zaibunnisa Abdul Haiyee dari UiTM Shah Alam, Prof. Madya Ts. Dr. Saiful Irwan Zubairi dari UKM, Puan Khairol Nadia Abd Halim dan Puan Fathin Zulaikha Mayuddin dari MARDI, Dr. Wenny Bekti Sunarharum dan Dr. Tunjung Mahatmanto dari Universitas Brawijaya, Indonesia, dan Prof. Madya Dr. Rocelyn Mejaro Imperial dan Puan Anna Mae S. Gavarra dari Central Bicol State University of Agriculture, Filipina. Penilaian yang melibatkan pakar-pakar dari Malaysia dan antarabangsa ini memberikan dimensi tambahan kepada pertandingan dan menambah nilai kepada hasil usaha pelajar.

Para pemenang produk makanan dan e-poster telah diberikan hadiah yang menarik. Ini bukan sahaja sebagai penghargaan kepada usaha pelajar dalam menginovasikan produk makanan selaras dengan tema, tetapi juga sebagai pemacu semangat untuk terus menghasilkan produk-produk berinovasi yang berkualiti tinggi. Program seperti ini telah membuktikan bahawa semangat inovasi dan kelestarian adalah teras penting dalam hasrat memajukan industri makanan pada masa depan.



Gambar: e-Poster FPD



Gambar: Barisan pensyarah, staf makmal bersama pelajar Diploma Teknologi Makanan